

UNTUK SIARAN SEGERA

# SIARAN MEDIA



TARIKH: 5 DISEMBER 2021  
[www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)

## AGROBANK BUKA CAWANGAN KE-139 DI BELURAN, SABAH

**BELURAN, SABAH, 5 DISEMBER 2021** – Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dengan fokus untuk memastikan kelestarian dan pembangunan sektor pertanian, Agrobank hari ini telah meluaskan rangkaian cawangannya di Sabah dengan pembukaan cawangannya yang ke-139 di Beluran.

Pembukaan cawangan ini telah dirasmikan oleh Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Selain faktor ekonomi dan kegiatan pertanian serta industri pemprosesan makanan di Beluran khususnya menerusi sub-sektor tanaman, perikanan dan penternakan seperti perusahaan burung walit, Beluran dipilih sebagai lokasi terbaharu Agrobank membuktikan komitmen bank tersebut dalam memenuhi mandat yang telah didukung untuk membantu membangunkan golongan *unserved* dan *underserved* khususnya di kawasan luar bandar.

Dr. Ronald berkata kegiatan ekonomi penduduk dapat dipertingkatkan terutamanya melalui kemudahan pembiayaan yang holistik dan mampan.

“Dari 1 Januari 2021 hingga 31 Oktober 2021, sejumlah 191 juta ringgit kelulusan pembiayaan Agrobank telah dicatatkan di Sabah. Daripada jumlah itu, 2.8 juta ringgit pembiayaan terkumpul telah dicatatkan di Kawasan Beluran yang telah memanfaatkan seramai 90 orang penerima pembiayaan” tambah Dr. Ronald.

Dr. Ronald turut memuji langkah proaktif Agrobank membuka sebuah lagi cawangan di Sabah kerana sebelum ini, penduduk di Beluran terpaksa ke Sandakan di mana jarak perjalanannya adalah sejauh 82KM dan ini ternyata menyukarkan penduduk Beluran untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan yang holistik seperti pembukaan akaun bank, perkhidmatan pembiayaan berasaskan pertanian dan pengguna, ATM dan CDM serta takaful.

Agrobank akan terus membantu antaranya dalam pembangunan sektor mikro yang menawarkan pembiayaan mikro sehingga 75 ribu ringgit tanpa kadar keuntungan atau kosong caj bagi tempoh enam bulan pertama beserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan.

'Ini menunjukkan kerajaan sentiasa komited untuk membantu usahawan mikro di luar sana dan usaha ini perlu dilaksanakan bersama-sama dengan semua pihak termasuk penglibatan pihak swasta,'

'Oleh yang demikian, saya menyeru usahawan tani khususnya penduduk di Beluran ini, supaya terus meneroka dan merebut peluang yang tersedia untuk sama-sama memajukan sektor pertanian negara,' kata Dr Ronald.

Mengulas mengenai pembukaan cawangan Beluran, Khadijah Iskandar, Penanggung Tugas Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank berkata, "Cawangan Agrobank di Beluran mempunyai potensi yang besar dalam membantu mengukuhkan ekonomi setempat kerana kegiatan pertaniannya yang unik. Kami komited dan optimis mampu membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi setempat menerusi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan Agrobank kerana ia meliputi semua proses di sepanjang rantai nilai pertanian.

"Sebagai sebuah Bank yang bertanggungjawab untuk memajukan pembangunan sektor pertanian menerusi pembiayaan yang menyeluruh (*full chain financing*), ini menunjukkan, pembukaan Agrobank di sini adalah sangat tepat kerana sebelum ini, penerima pembiayaan ini terpaksa ke Sandakan dengan jarak perjalanan yang jauh untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan. Saya berharap, pembukaan cawangan ini akan membantu komuniti setempat untuk berjaya dalam sektor pertanian menerusi perkhidmatan perbankan yang kami tawarkan," tambah beliau.

Pada majlis yang sama, Dr. Ronald juga turut menyampaikan bakul makanan sumbangan daripada Agrobank kepada 200 orang penerima dengan jumlah sumbangan bernilai RM20,000 menerusi program MAFI Prihatin bagi membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Acara simbolik penyampaian Kad Pintar Keluarga Peladang (PELADANG-*i*) berkonsepkan perbankan dengan menggabungkan ciri-ciri tiga dalam satu menerusi kad Co-Brand Agrobank turut disampaikan oleh Dr. Ronald kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran. Kad PELADANG-*i* boleh dijadikan kad identiti keahlian Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), dengan fungsi pembayaran transaksi tanpa tunai serta dilengkapi perlindungan Takaful Kasih Plus sehingga RM5,000 hanya dengan bayaran RM5 setahun.

Hadir sama YB Tuan Samad Jambri, ADUN Labuk merangkap Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Ketua Setiausaha MAFI, Dato' Haslina Binti Abdul Hamid, Pegawai Daerah Beluran, Tuan Nordin Daling, Timbalan Ketua Polis Daerah Beluran, Tuan ASP Jais, Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Beluran, Puan Kamariah Hj Ismail dan Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Tuan Sundralingam Nagaiah.

###

## **Mengenai Agrobank**

Agrobank adalah peneraju dalam pembiayaan pertanian dan perbankan berasaskan nilai (VBI)\* di Malaysia. Ditubuhkan pada 1969, Agrobank terlibat secara aktif mencatatkan pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian di Malaysia dengan menawarkan produk dan solusi kewangan yang patuh syariah merentasi pelbagai segmen pelanggan termasuk pelanggan korporat, komersial, konsumen, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan mikro. Agrobank merupakan sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya sejak 1 Julai 2015.

Sebagai sebuah IKP (Institusi Kewangan Pembangunan) yang berorientasikan pelanggan, fokus utama Agrobank adalah untuk mengukuhkan sektor pertanian. Justeru itu, Agrobank beriltizam untuk bergerak seimbang dalam melaksanakan peranan pembangunan dan komersialnya bagi memanfaatkan sektor pertanian. Agrobank menyediakan solusi pembiayaan yang menyeluruh untuk komuniti pertanian; merangkumi aktiviti hulu seperti bekalan input pengeluaran pertanian dan untuk aktiviti hiliran seperti pemprosesan, pemasaran dan jualan produk pertanian kepada pengguna.

Agrobank juga menawarkan penyelesaian pembiayaan perbankan runcit untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti-pertanian. Ini dilaksanakan menerusi 206 rangkaianannya sehingga tahun 2021 yang merangkumi 139 cawangan, 32 kiosk, 19 pusat perdagangan dan 16 rangkaian perbankan.

Pada tahun 2019, Agrobank meraikan ulang tahun Jubli Emas menandakan 50 tahun penubuhannya membangunkan industri agro.

**[www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)**

*\*VBI atau perantaraan berasaskan nilai merupakan satu inisiatif daripada Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertujuan untuk menambah nilai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam bagi menggalakkan keusahawanan, kesejahteraan komuniti, kelestarian alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi tanpa mengabaikan pulangan kepada para pemegang saham.*

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

### **Shahreen Rahim**

Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank  
03-2731 1660 / +6012-943 6217 | [shahreen.rahim@agrobank.com.my](mailto:shahreen.rahim@agrobank.com.my)

### **Syarifah Syameen Syed Johari**

Eksekutif Kanan, Perhubungan Awam, Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank  
03-2731 1652 / +6012-310 1766 | [syameen@agrobank.com.my](mailto:syameen@agrobank.com.my)

*Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank*